

(SETEMPO) 7 JULAI 2017 (JUMAT) M/S -28



TENGKU Abdullah diiringi Dr Daing Nasir (kanan) beramah mesra dengan tetamu pada majlis Pelancaran Pembinaan Kolej Kediaman Mawaddah dan Sambutan Hari Raya Aidilfitri 2017 UMP, semalam.

## Kolej kediaman konsep wakaf

**Pekan:** Penuntut anak yatim dan asnaf di Universiti Malaysia Pahang (UMP) bakal menikmati kemudahan kolej kediaman secara percuma dengan pembinaan Kolej Kediaman Mawaddah yang dijangka siap tahun depan.

Majlis pelancaran pembinaan kolej kediaman berkenaan disem-purnakan oleh Pemangku Raja Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah pada Majlis Sambutan Ai-dilfitri UMP di sini, semalam.

Hadir sama, Pe-ngerusi Lembaga Pengarah UMP Datuk Seri Mohd Hil-mey Mohd Taib, Naib Can-selor UMP Profesor Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim dan Ahli Lembaga Pengarah UMP Datuk Ahmad Azmey Abu Talib.

Tengku Abdullah bertitah, umat Islam digalakkan un-

tuk berwakaf kerana ia adalah salah satu pelaburan kita pada masa akan datang.

"Saya bangga dengan ini-siatif UMP ini untuk me-wujudkan kolej yang berkonsepkon wakaf ini.

"Saya juga menyeru ke-pada semua umat Islam di negeri supaya dapat berwa-kaf dan menjaya-kan pembinaan kolej ini.

"Saya juga berharap ko-lej ini dapat disiapkan se-cepat mung-kin dan saya akan pantau per-kembangannya dari se-masa ke semasa," titah ba-ginda.

Dalam pada itu baginda yang juga Canselor UMP turut mengumumkan perlantikan Tengku Puan Pahang Tunku Azizah Aminah Mai-munah Iskandariah Sultan Iskandar sebagai Pro Can-

selor bagi menggantikan Tan Sri Mohd Kamil Jamil.

Baginda bertitah, dengan perlantikan ini diharap da-pat meningkatkan lagi pres-tasi UMP sebagai universiti teknikal yang terkemuka di negara ini.

Sementara itu, Daing Nasir berkata, kolej seluas 3,115 meter persegi dan bernilai RM5 juta itu akan siap dibina di Kampus Pekan, di sini, tahun depan.

Tambah beliau, bangunan kediaman hasil sumbangan wakaf pelbagai pihak itu ba-kal menempatkan 220 ma-hasiswa daripada kalangan asnaf termasuk pelajar mis-kin dan anak yatim tanpa dikenakan yuran penginaan.

"Pihak Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pa-hang ((MUIP) sudah mem-beri kelulusan rasmi kepada UMP untuk memulakan ku-tipan wakaf dengan dana permulaan RM400,000," katanya.

**FAKTA**  
Kolej Kediaman  
Mawaddah seluas  
3,115 meter persegi  
dan bernilai  
RM5 juta